

27 JUN 1998

Mahathir-Gerakan

BN TERUS JADI BENTENG MEMPERTAHANKAN EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional akan terus menjadi benteng kuat mempertahankan ekonomi negara daripada ditakluki orang asing selagi anggota parti dan komponennya tidak dipengaruhi propaganda asing.

Lantaran itulah anggota-anggota parti dan komponen BN tidak boleh membiarkan diri mereka dipengaruhi tuduhan-tuduhan jahat seperti kononnya kerajaan mengamalkan kronisme, kroni-kapitalisme dan nepotisme, kata Perdana Menteri.

"Kita akui masalah ekonomi ini amat berat dan sukar untuk diatasi tetapi kita boleh mempertahankan sehingga ini kerana perkara yang utama bagi mempertahankan keteguhan negara masih kukuh iaitu kestabilan politik," katanya ketika merasmikan perhimpunan agung parti Gerakan di sini hari ini.

Beliau berkata percubaan untuk menjatuhkan kerajaan nyata berlaku dengan tuduhan terhadap kerajaan itu, tetapi selagi ia hanya diperkatakan oleh orang luar, ia tidak akan memberikan apa-apa kesan.

Namun kestabilan politik negara akan tergugat apabila rakyat sendiri terpengaruh dengan propaganda asing itu.

Dr Mahathir berkata masalah ekonomi berlaku bukan kerana salah pemerintahan kerana kerajaan tidak melakukan sesuatu yang luar biasa pada bulan Jun 1997 tetapi tiba-tiba telah dituduh sedemikian.

"Selama 40 tahun merdeka, negara membangun sederhana dan kemudiannya pesat dengan kecacatan hanya berlaku pada 1969 (peristiwa 13 Mei)," katanya sambil menegaskan bahawa masalah itu diatasi sendiri tanpa bantuan sesiapa.

Kerajaan membentuk dasar yang lebih adil dan negara menjadi aman sehingga mampu mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak lapan peratus selama 10 tahun.

"Tiba-tiba pada Jun 1997... kerajaan yang berjaya ini dituduh mengamalkan nepotisme, kronisme, rasuah dan sebagainya. Kalau kita mengamalkan nepotisme kenapa pertumbuhan ekonomi baik dan mata wang negara stabil pada RM2.50 bagi satu dollar," katanya.

Kejatuhan mata wang dan harga saham, katanya, diakibatkan oleh orang asing yang ingin mencari keuntungan dan telahpun menuduh kerajaan mengamalkan kronisme, kroni-kapitalisme dan nepotisme yang sebenarnya merupakan alasan bagi mereka untuk menyerang dan mengaut keuntungan yang berbilion.

Dr Mahathir berkata orang luar boleh menyalahkan kerajaan tetapi, "bila kita yang terpengaruh dengan propaganda mereka dan menuduh perkara yang sama terhadap kerajaan, maka kita akan menghadapi masalah...masalah ketidakstabilan politik."

Jika itu yang berlaku maka usaha memulihkan ekonomi tidak dapat dijalankan, ditambah lagi jika terjadi pula perkelahian antara parti-parti komponen yang akan menjadikan kerajaan lemah.

"Sebab itu kita tidak boleh ada masalah dalam parti dan dalam gabungan BN," katanya yang yakin bahawa anggota-anggota parti komponen terutama Gerakan tidak rela membiarkan orang asing menguasai ekonomi negara.

Menurutnya tugas mengukuhkan perpaduan dalam parti dan antara komponen BN merupakan tugas semua anggota parti yang bertanggungjawab mempertahankan negara.

Perdana Menteri diberikan tepukan gemuruh oleh lebih 1,800 perwakilan parti yang hadir apabila beberapa kali mengucapkan tahniah kepada Gerakan kerana berjaya memastikan kelangsungan parti termasuk tidak menghadapi

masalah dalam pemilihan pucuk pimpinan dan berpegang pada slogan "Satu Hati, Satu Negara, Satu Wawasan".

Pengerusi BN itu berkata slogan Gerakan itu bukan sahaja untuk parti berkenaan tetapi ia menyimpulkan dengan baik dan tepat hasrat BN sendiri yang mahukan semua 14 parti komponennya bersatu hati, bersatu wawasan dan memikirkan tentang satu negara.

Sambil berseloroh, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, berkata kerana slogan itu pemilihan pucuk pimpinan dalam Gerakan berlaku tanpa sebarang "boxing" (pertinjuan) tetapi beliau tidak boleh memberi jaminan tidak akan berlaku "boxing" dalam pemilihan Umno tahun depan.

Dr Mahathir mengulangi keyakinannya bahawa dengan kekuatan dan kata sepakat yang terdapat dalam BN, kerajaan akan terus kukuh dan bertenaga dalam usaha mempertahankan kemerdekaan dan kebebasan negara.

Kerajaan BN akan meneruskan dasar-dasar yang adil yang terbukti memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat dan "tidak merampas daripada yang kaya untuk diberikan kepada yang miskin" sebaliknya menentukan ekonomi berkembang dan setiap pihak mendapat bahagian yang sama.

Ketika menjawab soalan pada persidangan berita selepas itu, Dr Mahathir berkata slogan Gerakan itu, "Baik untuk BN, dan menunjukkan kita harus belajar merapatkan diri...walaupun belum tiba lagi harinya kita boleh melupakan asal-usul kita tetapi sekurang-kurangnya kita boleh mengatasi halangan-halangan yang lain."

Ditanya sama ada kegawatan ekonomi ini menjejaskan BN, Dr Mahathir berkata ia lebih merapatkan lagi BN.

Beliau memberi contoh bagaimana gesaan pihak asing supaya beliau meletakkan jawatan berikutan masalah ekonomi, telah membuatkan semua parti komponen bersatu menyatakan sokongan mereka terhadap beliau dan memberitahu orang asing itu bahawa mereka tidak berhak menentukan untuk rakyat Malaysia siap yang harus memerintah negara.

Mengenai tindakan terhadap mereka yang mendakwa kerajaan mengamalkan nepotisme dan kronisme, beliau berkata tiada tindakan yang akan diambil tetapi "kita akan mendedahkan bahawa mereka ini menipu dan mereka mempunyai agenda politik yang mementingkan diri sendiri lebih daripada negara".

Katanya tuduhan mereka itu tidak berasas sama sekali seperti yang telah beliau buktikan pada perhimpunan agung Umno baru-baru ini dengan mengedarkan senarai nama mereka yang mendapat manfaat daripada projek-projek penswastan kerajaan.

-- BERNAMA

MNY TM RON